



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
SEBERANG PERAI TENGAH
JALAN BETEK, SUNGAI RAMBAI
14000 BUKIT MERTAJAM
PULAU PINANG**

Telefon: 04-5488888
Faks : 04-5399549 (Pentadbiran)
04-5402349 (Tanah)
04-5402350 (Pembangunan)

e-mel : pdspt@penang.gov.my
URL : spt.penang.gov.my



PENGUMUMAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI TENGAH KERJA CABUTAN UNDI PUSINGAN UNTUK PROJEK-PROJEK KECIL PDTSTPT

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak **Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSTPT)** akan menjalankan sesi cabutan undi pusingan untuk projek-projek kecil yang akan dilaksanakan oleh PDTSTPT.

2. Sehubungan dengan itu, semua kontraktor kelas G1 BUMIPUTERA yang berdaftar di Daerah Seberang Perai Tengah dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dengan **Gred G1**, yang berminat adalah dijemput untuk menghadiri sesi pengundian yang akan dijalankan pada ketetapan seperti berikut :-

Tarikh	: 10 Mac 2021
Pendaftaran	: 9.00 Pagi – 10.00 Pagi
Waktu Mula Undian	: 10.15 Pagi
Tempat	: Dewan Serbaguna PDTSTPT

3. Kontraktor yang layak dan berminat untuk menghadiri cabutan undi pusingan ini diwajibkan untuk membawa perkara-perkara berikut untuk tujuan:-

- Sijil asal dan salinan Perakuan Pendaftaran kontraktor (PKK) oleh CIDB yang masih sah tempoh laku.
- Sijil asal dan salinan Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB yang masih sah tempoh laku.
- Sijil asal dan salinan Taraf Bumiputera (STB) oleh CIDB yang masih sah tempoh laku.
- Resit asal dan salinan pembayaran pendaftaran sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri.
- Kad Pengenalan pemilik asal.
- PEN dan COP SYARIKAT semasa proses pendaftaran untuk melancarkan lagi proses pendaftaran.

4. Hanya pemilik lesen dibenarkan untuk menyertai cabutan undi dan wakil tidak dibenarkan (*walaupun BERSURAT*).

5. Sebarang kegagalan untuk mematuhi tempoh masa yang telah ditetapkan dan sebarang syarat seperti yang dinyatakan diatas akan menyebabkan syarikat tuan / puan tidak dibenarkan menyertai sesi undian ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

6. Bagi sesi PENDAFTARAN dan SESI CABUTAN UNDI PUSINGAN, kontraktor perlulah memenuhi syarat-syarat serta mematuhi langkah-langkah seperti berikut untuk mengawal penularan wabak Covid-19 :-

- I. Pemeriksaan suhu badan melalui `held thermometer` perlu dilakukan dan hanya yang mempunyai suhu normal sahaja akan dibenarkan untuk sesi pendaftaran dan semasa sesi cabutan undi kerja.
 - II. Penjarakkan sosial satu (1) meter dilaksanakan
 - III. Pemakaian topeng muka (Face Mask)
 - IV. Penggunaan `hand sanitizer`
6. Sebarang pertanyaan berhubung sesi pendaftaran ini boleh diajukan kepada Penolong Jurutera Bahagian Pembangunan di talian 04-5488863

"CEKAP, AKAUNTIBILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MENGUTAMAKAN PELANGGAN, MERAKYATKAN PERKHIDMATAN"

Saya yang menjalankan amanah,



(KAMARUL HAIZAL BIN KODERAT)
Pegawai Daerah,
Seberang Perai Tengah,
Bukit Mertajam.

TATACARA PEROLEHAN KERJA SECARA UNDIAN PUSINGAN

Tatacara Perolehan Kerja Secara Undian adalah seperti berikut:

- a) Jenis kerja dan skop yang hendak dibuat secara kaedah undian hendaklah bagi nilai kerja yang tidak melebihi RM20,000. Harga boleh diperolehi daripada Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awan dan Bangunan Jabatan Kerja Raya atau melalui kajian pasaran dan skop kerja adalah kerja-kerja kecil dan pembaikan yang tidak mengubah struktur asal.
- b) Notis tawaran kerja secara kaedah undian disediakan dan ditampal di papan kenyataan PDTSPPT bagi memaklumkan kerja dan kontraktor yang ditawarkan.
- c) Buku rekod dan borang untuk pendaftaran disediakan bagi mencatat kontraktor yang menghadiri taklimat dan sesi undian.
- d) Pengundian dibuat dalam dua peringkat iaitu peringkat Pendaftaran dan Peringkat Pengundian
- e) Peringkat Pendaftaran dilaksanakan seperti berikut:
 - i. Pendaftaran kontraktor dibuka dalam tempoh satu jam.
 - ii. Semasa pendaftaran sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB yang masih sah tempoh laku, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB yang masih sah tempoh laku, Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh CIDB yang masih sah tempoh laku dan resit asal atau salinan pembayaran pendaftaran sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendaklah dikemukakan
 - iii. Hanya pegawai syarikat yang namanya ada didalam sijil sahaja dibenarkan untuk menyertai proses pengundian.
- f) Peringkat Pengundian dilaksanakan seperti berikut:
 - i. Undian dijalankan menggunakan bola ping-pong yang bernombor. Bilangan bola ping-pong yang diperlukan adalah berdasarkan kepada bilangan kontraktor yang layak dan berminat menyertai undi.
 - ii. Peti undi yang kosong disediakan dan dipamerkan kepada semua kontraktor yang hadir. Bola ping-pong yang bernombor ke dalam peti undi oleh pihak jabatan.
 - iii. Kontraktor secara bergilir akan mencabut bola ping-pong masing-masing sehingga semua kontraktor mendapat nombor giliran.
 - iv. Pihak PDTSPPT akan mencatatkan senarai kontraktor berjaya mengikut turutan dan senarai penuh akan dipamerkan di papan kenyataan PDTSPPT.
- g) Inden kerja akan dikeluarkan secepat mungkin kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya.
- h) Setiap kontraktor yang berjaya hendaklah menyatakan persetujuan penerimaan tawaran kerja dalam tempoh 7 hari dari tarikh inden dinyatakan dalam inden.

- i) Kontraktor yang ditawarkan kerja tetapi berhasrat untuk menolak kerja dipohon untuk mengemukakan surat penolakan rasmi dalam tempoh 7 hari dari surat setuju terima atau sekiranya masih tiada maklumbalas, pihak pejabat akan beranggapan pihak kontraktor tidak berminat dengan kerja yang ditawarkan dan giliran kontraktor tersebut akan dianggap telah selesai.
- j) Kontraktor mesti memulakan dan menyiapkan kerja dalam tempoh yang dinyatakan dalam inden kerja.
- k) Sekiranya kontraktor telah bersetuju tetapi gagal memulakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan, inden kerja hendaklah dibatalkan dan kontraktor boleh dikenakan tindakan tatatertib dan tidak akan dibenarkan untuk menyertai mana-mana perolehan di bawah PDTSP.